



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2013/2014**

| | | |
|--------------------|---|--|
| NAMA KURSUS | : | PENGURUSAN PROJEK |
| KOD KURSUS | : | DAC31703 |
| PROGRAM | : | 3 DAA |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | JUN 2014 |
| JANGKA MASA | : | 3 JAM |
| ARAHAN | : | JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BAHAGIAN A DAN TIGA (3) DALAM BAHAGIAN B |

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG SEMBILAN (9) MUKA SURAT

BAHASA MELAYU**BAHAGIAN A**

S1. Jadual S1 menunjukkan aktiviti-aktiviti satu projek bangunan kecil. Berdasarkan jadual tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Lukis Diagram Anak Panah. (5 markah)
- (b) Kira masa Mula Awal (ES), Mula Akhir (LS), Tamat Awal (EF), Tamat Akhir (LF) dan Jumlah Apungan (TF) bagi setiap aktiviti. (15 markah)
- (c) Sekiranya aktiviti C lewat selama 2 hari, apakah yang akan berlaku kepada aktiviti F? Huraikan jawapan anda dengan justifikasi. (3 markah)
- (d) Tunjukkan laluan kritikal pada rangkaian tersebut. (2 markah)

S1 : Senarai Aktiviti Pembinaan

| AKTIVITI | TEMPOH | PREDECESSOR |
|----------|--------|-------------|
| A | 5 | - |
| B | 7 | A |
| C | 8 | A |
| D | 9 | B |
| E | 3 | B,C |
| F | 2 | C |
| G | 4 | D,E,F |

BAHAGIAN B

- S2. Mengurus projek pembinaan akan melibatkan beberapa proses pengurusan dan melibatkan ramai pihak.
- (a) Terangkan **empat (4)** proses pengurusan tersebut.
(12 markah)
- (b) Berikan definasi projek?
(4 markah)
- (c) Terdapat **tiga (3)** komponen penting yang perlu dikawal dalam projek pembinaan, iaitu kos, kualiti dan masa. Terangkan kepentingan ketiga-tiga komponen tersebut.
(9 markah)
- S3. (a) Klien boleh dinyatakan sebagai pihak yang memulakan atau pembiaya bagi sesuatu projek.
- (i) Terangkan **dua (2)** jenis klien yang terlibat dalam pembinaan.
(6 markah)
- (ii) Senaraikan **tiga (3)** harapan klien dalam membangunkan projek.
(3 markah)
- (b) Perunding merupakan salah satu pihak yang terlibat dalam pengurusan projek. Berikan **tiga (3)** disiplin pihak perunding tersebut dan senaraikan **tiga (3)** tanggungjawab mereka dalam fasa rekabentuk.
(12 markah)
- (c) Huraikan peranan pihak berkuasa tempatan dalam pengurusan projek.
(4 markah)
- S4. (a) Terdapat pelbagai jenis kaedah perolehan yang boleh diaplikasikan dalam projek pembinaan di Malaysia.
- (i) Pilih **dua (2)** kaedah perolehan dan terangkan ciri-cirinya.
(6 markah)
- (ii) Dengan bantuan lakaran, terangkan perbezaan struktur organisasi kaedah perolehan yang dinyatakan dalam S4(a)(i).
(10 markah)

- (b) Pelbagai sumber diperlukan untuk menyempurnakan pembinaan sesuatu projek. Setiap sumber itu perlu diuruskan dengan cara yang paling efisen agar kos kekal pada tahap minimum semasa pembinaan.
- (i) Senaraikan **lima (5)** sumber yang diperlukan dalam pembinaan
(5 markah)
- (ii) Terangkan **dua (2)** masalah lazim dalam menguruskan sumber-sumber tersebut.
(4 markah)
- S5. (a) Peringkat pembinaan merupakan satu peringkat yang melibatkan banyak aktiviti pembinaan secara fizikal. Seorang penyelia tapak atau kerani tapak bina perlu diletakkan di tapak bina bagi tujuan penyeliaan kerja-kerja pembinaan. Terangkan **dua (2)** kemahiran yang membolehkan seseorang itu dilantik menjadi kerani tapak.
(6 markah)
- (b) Selain daripada dokumen kontrak dan lukisan pembinaan, diari tapak juga merupakan dokumen penting yang boleh dijadikan rujukan apabila berlaku pertikaian dalam kontrak pembinaan.
- (i) Jelaskan kegunaan diari tapak.
(4 markah)
- (ii) Senaraikan **lima (5)** kandungan diari tapak.
(5 markah)
- (c) Mesyuarat merupakan satu platform komunikasi pihak-pihak yang terlibat dalam pembinaan. Senaraikan **lima (5)** perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat berikut;
- (i) Mesyuarat tapak pertama
(5 markah)
- (ii) Mesyuarat tapak bulanan
(5 markah)

S6. Terangkan maksud terma berikut:

- (a) Pengurusan projek (5 markah)
- (b) Perancangan projek (5 markah)
- (c) Kajian kemungkinan (5 markah)
- (d) Kerja berpasukan (5 markah)
- (e) Struktur pecahan kerja (5 markah)

-SOALAN TAMAT-

ENGLISH**SECTION A**

Q1 Table **Q1** shows the activities of a small building project. Based on the table, answer the following questions:

- (a) Draw activities on arrow diagram. (5 marks)
- (b) Calculate Earliest Start Time (ES), Late Start Time(LS), Earliest Finish Time (EF), Late Finish Time (LF) and Total Float Time (TF) each activities. (15 marks)
- (c) If C activities are delayed for **two (2)** days, what will happen to the activities of F? Explain your answer with justification. (3 marks)
- (d) Show the critical path in the network. (2 marks)

Q1: Construction Activities

| ACTIVITY | DURATION | PREDECESSOR |
|----------|----------|-------------|
| A | 5 | - |
| B | 7 | A |
| C | 8 | A |
| D | 9 | B |
| E | 3 | B,C |
| F | 2 | C |
| G | 4 | D,E,F |

SECTION B

- Q2 Managing construction projects will involve some management process and involves many parties.
- (a) Describe **four (4)** management processes. (12 marks)
- (b) Define a project? (4 marks)
- (c) There are **three (3)** key components that need to be controlled in a construction project, the cost, quality and time. Explain the importance of the three components. (9 marks)
- Q3 (a) Clients can be expressed as the initiator or the financiers of the project.
- (i) Explain **two (2)** types of clients involved in the construction. (6 marks)
- (ii) List **three (3)** clients' expectations in developing the project. (3 marks)
- (b) Consulting is one of the parties involved in project management. Provide **three (3)** disciplinary consultant and list **three (3)** responsibilities in the design phase. (12 marks)
- (c) Describe the role of local authorities in project management? (4 marks)
- Q4 (a) There are various types of procurement methods that can be applied in construction projects in Malaysia.
- (i) Choose **two (2)** procurement methods and explain its characteristics. (6 marks)
- (ii) With the aid of sketches, explain the organizational structure of the procurement method specified in Q4(a)(i). (10 marks)

- (b) Various resources will be required to complete the construction of a project. Each resource should be managed in the most efficient in order to remain cost to a minimum during construction.
- (i) List the **five (5)** resources needed in construction (5 marks)
- (ii) Explain **two (2)** common problems in the management of these resources. (4 marks)
- Q5 (a) The construction phase involves a lot of physical activity. A site supervisor or clerk of work on sites should be placed on site supervision for the construction work. Describe **two (2)** skills that allow a person to be appointed clerk of work. (6 marks)
- (b) In addition to the contract documents and construction drawings, site diary is also an important document that can be consulted in the event of disputes in construction contracts.
- (i) Describe the usage of the site diary. (4 marks)
- (ii) List the **five (5)** diary site content (5 marks)
- (c) Meeting is a communication platform of the parties involved in the construction. List **five (5)** items discussed at the following meeting:
- (i) Kick off meeting (5 marks)
- (ii) Monthly site meeting (5 marks)

Q6 Explain the following terms:

- (a) Project management (5 marks)
- (b) Project planning (5 marks)
- (c) Feasibility study (5 marks)
- (d) Teamwork (5 marks)
- (e) Work breakdown structure (5 marks)

- END OF QUESTION -